

Maklumbalas Berkaitan Penyakit Virus Ebola (EVD) Dan Risiko Jangkitan Kepada Jemaah Haji Malaysia Semasa Berada Di Tanah Suci

Latarbelakang Penyakit EVD

EVD adalah penyakit serius dengan kadar kematian yang tinggi. Penyakit ini boleh menjangkiti manusia dan juga haiwan, seperti kelawar dan monyet. EVD kali pertama dikesan dalam kalangan manusia pada tahun 1976 di Republik Demokratik Congo dan Sudan.

Pada ketika ini suatu kejadian wabak sedang berlaku, melibatkan 4 buah negara di Afrika Barat, iaitu Guinea, Sierra Leone, Liberia dan Nigeria yang bermula sejak Mac 2014. Sehingga 4 Ogos 2014, sejumlah 1,603 kes EVD (meliputi kes *suspected*, *probable* dan *confirmed*) dengan 887 kematian telah dilaporkan oleh negara-negara yang terlibat kepada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Di Afrika, jangkitan mungkin bermula melalui pengendalian haiwan yang dijangkiti atau dijumpai mati di dalam / pinggir hutan oleh masyarakat setempat. Apabila individu tersebut mendapat jangkitan, penularan dalam masyarakat di kawasan yang terlibat adalah melalui kontak rapat dengan cecair badan (*body secretion*) individu atau haiwan yang telah dijangkiti. Sebagai contohnya melalui darah, air kencing, najis dan sebagainya.

Gejala awal yang dikesan dalam kalangan kes EVD adalah demam, sakit otot, sakit kepala, sakit tekak, muntah, cirit birit, ruam dan kelesuan. Seterusnya, gejala jangkitan mungkin membawa kepada kegagalan buah pinggang dan hati serta pendarahan dalaman dan luaran. Sebaik sahaja mula mengalami gejala jangkitan, individu terbabit mampu menjangkiti individu lain.

Di Malaysia, EVD adalah salah satu penyakit yang perlu dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Kompilasi Maklumbalas Yang Berkaitan

- a) **Difahamkan penyakit virus ebola (EVD) hanya berlaku di benua Afrika dan memandangkan musim haji bakal tiba nanti, apa yang jemaah haji perlu lakukan untuk mengelak jangkitan berkenaan?**

Bermula dari musim haji pada tahun 1433H / 2012M, jemaah haji Malaysia telah dimaklumkan mengenai kejadian jangkitan *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV) dan nasihat kesihatan mengenai langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya dilaksanakan oleh mereka bagi mengelakkan dari dijangkiti.

Nasihat kesihatan yang digunapakai bagi kejadian jangkitan MERS-CoV dan EVD tiada sebarang perbezaan. Justeru, ianya masih lagi relevan dan terpakai bagi mengelakkan risiko rendah jangkitan EVD. Antara lain, nasihat kesihatan tersebut adalah seperti berikut:

- Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun, terutamanya selepas batuk, bersin atau selepas bersalaman
- Jika tiada air dan sabun, gunakan bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*)
- Semasa dalam tempoh lawatan ke Tanah Suci, sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (*mask*) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*) untuk digunakan apabila perlu
- Semasa dalam tempoh lawatan ke Tanah Suci:
 - Elakkan dari menjamah makanan mentah atau tidak dimasak dengan sepenuhnya.
 - Elakkan dari menjamah buah-buahan mahupun sayuran yang tidak dibasuh terlebih dahulu.
 - Elakkan dari meminum minuman yang menggunakan bekalan air tidak dirawat.
 - Elakkan dari melawat ke ladang haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan, khususnya unta.
 - Elakkan dari mendekati dan menyentuh individu yang sakit.
- Jemaah yang mengalami gejala jangkitan respiratori (seperti demam, batuk, selesema dan sakit tekak):
 - Perlu mendapatkan rawatan segera.
 - Perlu menghadkan pergaulan dengan individu sihat di sekeliling mereka.
 - Perlu memakai penutup mulut dan hidung (*mask*) apabila terpaksa berhubung / berurusan dengan orang lain
 - Jika ianya berlaku selepas pulang ke tanahair, segera dapatkan rawatan perubatan dan maklumkan mengenai sejarah perjalanan ke Tanah Suci kepada doktor yang merawat

b) Perlu atau tidak jemaah haji mengambil sebarang ubat tambahan atau vaksin untuk melindungi mereka daripada dijangkiti EVD?

Buat masa ini, tiada vaksin bagi melindungi dari dijangkiti EVD. Begitu juga, tiada ubatan khusus bagi mencegah dan merawat EVD setakat ini.

c) Risiko jemaah dijangkiti sekiranya mereka ada membuat kontak rapat / berkomunikasi dengan warga Afrika semasa berada di Tanah Suci?

Tempoh inkubasi bagi jangkitan EVD adalah dalam lingkungan 2 hingga 21 hari dan sepanjang tempoh tersebut tiada menunjukkan sebarang gejala.

Individu tersebut hanya berpotensi menjangkiti individu yang lain, sebaik sahaja beliau mula menunjukkan gejala.

Seterusnya, berikut adalah beberapa tahap risiko penularan virus ebola berdasarkan jenis kontak dengan pesakit yang dijangkiti dan bergejala:

Tahap risiko	Jenis kontak
Sangat rendah atau tiada sebarang risiko dikenalpasti	Kontak kasual dengan seorang yang mengalami gejala demam dan bebas bergerak. Contohnya kontak kasual semasa berkongsi tempat duduk di tempat awam, pengangkutan awam dan sebagainya (dsb).
Rendah	Kontak secara bersemuka yang rapat dengan seorang yang mengalami gejala demam dan bebas bergerak. Sebagai contohnya melakukan pemeriksaan fizikal ke atasnya, mengukur suhu badannya, mengambil bacaan tekanan darahnya dsb.
Tinggi	Kontak secara bersemuka yang rapat tanpa menggunakan sebarang alat perlindungan diri (<i>personal protective equipment</i> ; PPE) dengan pesakit yang batuk atau muntah, mengalami pendarahan melalui hidung atau cirit birit. Pendedahan secara tusukan jarum atau lapisan mucosa kepada datah, cairan badan, tisu badan atau specimen makmal pesakit yang sakit teruk atau pesakit yang telah dikesan positif bagi jangkitan EVD.

Pengelasan tahap risiko ini adalah sebagaimana yang dipetik dari sumber berikut: *Bannister B. Viral haemorrhagic fevers imported into non-endemic countries: risk assessment and management. British Medical Bulletin. 2010; 95: 193-225.*

Begitu juga, fakta dari kejadian wabak EVD yang telah berlaku di Afrika sebelum ini, menunjukkan bahawa **penularan EVD tidak berlaku dengan mudah** kerana ia bukan merupakan penyakit berjangkit yang disebarkan melalui udara sebagaimana selesema. Begitu juga, punca dan cara jangkitan

bagi EVD **telah dikenalpasti**, tidak sebagaimana jangkitan *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* (MERS-CoV).

Justeru, penekanan sewajarnya diberikan terhadap langkah pencegahan yang perlu diambil bagi mengelakkan daripada dijangkiti MERS-CoV. Apatah lagi, sekiranya langkah-langkah pencegahan tersebut diamalkan, ia juga dapat turut sama mengelakkan dari terdedah kepada risiko jangkitan EVD – yang pada hakikatnya berisiko rendah untuk berlaku.

PERHATIAN:

Mohon agar maklumat ini dapat disampaikan dengan sebaik mungkin kepada para jemaah haji Malaysia kerana jika tidak ia mungkin akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan jemaah haji yang mungkin beranggapan bahawa risiko jangkitan EVD adalah lebih tinggi dari MERS-CoV. Ia juga mungkin menimbulkan kefahaman bahawa terdapat kaitan langsung antara ibadah haji dan risiko jangkitan EVD.